

## **KEPERLUAN RUNDING CARA DALAM PENYELESAIAN KONFLIK KEKELUARGAAN: KAJIAN AWAL DI KLINIK RUNDING CARA SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG,KUIS**

Nur Zulfah Md Abdul Salam, Azizah Mohd Rapini & Surianom Miskam  
*Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).*  
[nurzulfah@kuis.edu.my](mailto:nurzulfah@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Runding Cara merupakan salah satu kaedah yang diaplikasikan bagi membantu menyelesaikan masalah dan konflik rumah tangga dikalangan masyarakat Islam. Pengendalian runding cara dilakukan sama ada oleh para Peguam Syarie atau Pegawai Runding Cara yang ditempatkan di Jabatan Agama Islam Negeri. Kebanyakan hasil kajian terdahulu mendapati bahawa runding cara yang dilaksanakan diperingkat awal dapat membantu mengatasi konflik rumah tangga menjadi tegang sekaligus mampu mengubah fikiran pasangan daripada ingin bercerai atau menamatkan masalah rumah tangga. Runding Cara bersifat proses rundingan dua hala antara pihak perunding dan pihak satu lagi (klien) bagi membincangkan langkah-langkah terbaik dalam mengatasi masalah atau kecelaruan yang terjadi dalam rumah tangga. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif yang mana hasil dapatan kajian adalah melalui sumber-sumber daripada buku, jurnal, artikel dan akhbar semasa. Malah, kajian turut melaksanakan kaedah temubual bersama pihak tertentu yang terlibat secara langsung dalam pengendalian runding cara. Tujuan artikel ini dijalankan adalah membincangkan pelaksanaan dan keberkesanan keperluan runding cara dalam kes-kes konflik rumah tangga. Kajian melihat kepada *trend* kes-kes yang direkodkan di Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang, KUIS dari aspek jenis kes yang terlibat, pihak yang memerlukan runding cara, alasan memilih melaksanakan runding cara dan respon pihak-pihak selepas runding cara dilaksanakan. Berdasarkan rekod sedia ada, dapat disimpulkan bahawa runding cara merupakan satu keperluan pihak-pihak yang terlibat dalam masalah atau konflik rumah tangga. Runding cara boleh dikategorikan ‘*first stage*’ yang disarankan untuk diikuti oleh pihak-pihak lebih-lebih lagi dalam masalah atau kes-kes melibatkan perceraian. Adakalanya, selepas proses runding cara dilaksanakan, pihak-pihak boleh jadi mendapatkan gambaran atau penyelesaian terbaik bagi mengatasi konflik dalam rumah tangga mereka.

**Kata kunci:** Runding Cara, Kekeluargaan, Perceraian, Pengendalian, Rumah Tangga

## **Pengenalan**

Perkahwinan merupakan satu ikatan murni antara seorang lelaki dan perempuan untuk hidup bahagia bersama dalam sesebuah rumah tangga. Perkahwinan diharuskan oleh Syarak bukanlah semata-mata untuk kenikmatan hubungan seksual, bahkan terdapat banyak fungsilain yang seharusnya diambil perhatian oleh setiap pasangan yang telah berkahwin. Walaubagaimanapun, hubungan suami isteri dalam mengharungi alam rumah tangga tidak selalunya indah. Pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai konflik dan perselisihan faham sepanjang mengendalikan rumah tangga. (Zanariah Dimon & et.al, 2018).

Permasalahan atau konflik rumah tangga merupakan satu isu yang sudah lama wujud dan diperkatakan dalam masyarakat. Konflik rumah tangga adalah suatu perkara yang sering melanda dalam kehidupan berumah tangga. Krisis atau konflik rumah tangga boleh ditakrifkan sebagai keadaan tidak tenteram atau tidak stabil yang berlaku di dalam sesebuah rumah tangga akibat daripada faktor-faktor tertentu yang akhirnya boleh membawa kepada masalah penderaan, keganasan dan akhirnya berlaku perceraian. (Haliza A Shukor, 2012). Kebanyakan perceraian berlaku kerana konflik dalam perkahwinan, pengabaian tanggung jawab, penderaan dan penganiayaan. Perceraian selalunya digunakan untuk menyelesaikan kemelut dalam rumah tangga. Namun begitu, perceraian adalah amat tidak digalakkan dan merupakan langkah terakhir penyelesaian konflik sekiranya semua langkah penyelesaian gagal. (A. Hariri & Raihanah Azahari, 2014).

Ketika ini hampir kesemua Jabatan Agama Islam di Malaysia membuka perkhidmatan kaunter bagi memberikan khidmat runding cara kepada orang awam. Pegawai-pegawai yang berkepakaran dari Unit Bahagian Undang-undang Keluarga adalah dilantik menjalankan sesi Runding Cara ini. Namun, akibat lambakan kes yang berlaku adakalanya pihak terpaksa menunggu lama ke tarikh temujanji yang diberikan. Runding cara yang dijalankan di Jabatan Agama ialah proses membimbing pelanggan dalam pertemuan yang melibatkan perhubungan dua hala antara pegawai runding cara dengan individu yang memerlukan bimbingan dan jalan penyelesaian. Perkhidmatan runding cara di sini terbahagi kepada tiga iaitu, Khidmat Nasihat Umum, Aduan Kekeluargaan serta sesi Jawatankuasa Pendamai yang diarahkan oleh Mahkamah Syariah (Jabatan Agama Islam Selangor). (Nur Zulfah & et.al, 2018).

Oleh yang demikian, Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang (KRC), Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) ditubuhkan bagi membantu orang awam, staf dan pelajar mereka yang menghadapi masalah kekeluargaan. KRC telah ditubuhkan hampir lima tahun dan kini telah menerima hampir satu ratus tiga puluh enam kelayan bagi tempoh 2017 sehingga 2019.

## **1. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan dapatan data melalui Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang, KUIS. Bagi menjalankan kajian ini, analisis akan dibuat terhadap statistik klien seperti jantina dan jenis kes serta beberapa

respon kepuasan klien terhadap pengendalian Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang. Respon daripada klien adalah diperolehi secara dalam talian melalui khidmat panggilan telefon dan *whatsapp*.

## 2. DEFINISI RUNDING CARA

Kamus Dewan Edisi Keempat telah mendefinisikan rundingcara sebagai khidmat nasihat menerusi perbincangan masalah dan cara-cara mengatasinya. (Noresah Baharom, 2007). Kebiasaannya amalan runding cara ini diamalkan di Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di bahagian Undang-Undang Kekeluargaan. Runding cara melibatkan proses khidmat pemberian bimbingan dan nasihat menerusi perbincangan masalah dan cara-cara mengatasinya. Selain itu, kaunseling dalam keluarga merupakan suatu proses bimbingan kepada individu yang menghadapi konflik rumah tangga secara konsisten oleh kaunselor atau pegawai runding cara (Ahmad Atabik, 2013). Seterusnya, Shamshina Mohamad Hanifa runding cara tidak melibatkan penglibatan mana-mana pihak ketiga. Ini kerana pihak yang terlibat sendiri (pihak yang bertikai) mengawal proses dan hasilnya. Mereka cuba untuk mengenal pasti perkara-perkara yang saling menarik dalam menyelesaikan isu-isu yangtimbul untuk mencapai situasi menang-menang ('*win-win situation*'). Ini membantu untuk meletakkan sesuatu dalam perspektif yang lebih baik dan mewujudkan impak yang berpanjangan, selain menjimatkan kos dan masa, ianya juga dapat mengeratkan hubungan daripada memburuk-burukkan antara pihak-pihak berkenaan. (Shamshina Mohamad Hanifa, 2013)

## 3. Latar Belakang Klinik Runding Cara Syariah Dan Undang-Undang, KUIS

Klinik Rundingcara Syariah & Undang-undang (KRC), Fakulti Syariah dan Undang-undang, KUIS ini beroperasi secara rasminya pada 02hb Mei 2017, bagi memberi peluang kepada orang ramai yang mempunyai sebarang permasalahan berkenaan isu-isu kekeluargaan Islam mendapatkan khidmat nasihat guaman syarie secara percuma. Penubuhan KRC adalah hasil kerjasama MOU melibatkan Fakulti Syariah dan Undang-undang KUIS dengan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM). Pihak PGSM akan menghantar wakil Peguam Syarie mereka bagi memberi khidmat nasihat guaman syarie secara percuma di Klinik Rundingcara Syariah dan Undang-undang ini. Orang ramai boleh mendapatkan khidmat nasihat guaman syarie secara percuma pada setiap hari Jumaat minggu pertama dan ketiga secara walk in atau temujanji.

Antara kes-kes yang dikendalikan di Klinik Guaman syarie ini seperti pendaftaran pernikahan, wali hakim, poligami, perceraian, tuntutan mutaah, nafkah iddah, hak jagaan anak, nafkah anak, harta sepencarian dan harta pusaka (faraid) yang mana kesemua kes-kes ini melibatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Tujuan dan matlamat penubuhan KRC ini secara jelasnya bagi membantu orang ramai yang mempunyai masalah guaman syarie bertemu dengan Peguam Syarie secara mudah tanpa perlu ke mahkamah atau menetapkan temujanji terlebih dahulu. Ramai di kalangan masyarakat merasa berat dan takut untuk bertemu dengan Peguam Syarie kerana khuatir dikenakan kos dan yuran perkhidmatan yang tinggi. Oleh yang demikian, dengan adanya Klinik Guaman Syarie ini, sedikit

sebanyak dapat membantu orang ramai mendapatkan nasihat guaman syarie melalui saluran yang tepat secara percuma seterusnya dapat mencari jalan dalam merungkaikan kes atau permasalahan mereka di mahkamah.

KRC menerima dalam lingkungan dua ke lapan orang kelayan dalam sebulan. Walaupun kedudukan KRC berada di Bandar Seri Putra, Bangi namun ada di antara kelayan KRC yang hadir dari luar kawasan Negeri Selangor seperti Negeri Sembilan dan Melaka. Perkara ini menunjukkan bahawa masyarakat semakin sedar bahawa nasihat guaman amat penting bagi seseorang mendapatkan maklumat yang betul berkaitan permasalahan undang-undang yang mereka hadapi sebelum mengambil sesuatu tindakan. Sekiranya masalah undang-undang tersebut tidak diselesaikan dengan betul maka ianya akan menambahkan konflik yang lebih serius sehingga memungkinkan memakan masa yang lama untuk penyelesaian kes di mahkamah.

#### 4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian adalah diperolehi melalui rekod fail Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang, KUIS (KRC) bermula pada tahun 2017 sehingga 2019. Data-data tersebut dianalisis dalam bentuk statistik dan dijelaskan secara terperinci. Kesemua data-data klien yang hadir ke KRC adalah disimpan kemas dan dirahsiakan. Tiada pihak luar yang dibenarkan mengakses data-data tersebut kerana polisi pengurusan dan pentadbiran KRC adalah menjaga kerahsiaan klien.

##### i. Jumlah Klien yang hadir ke Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang

Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang (KRC), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor beroperasi pada setiap hari jumaat minggu pertama dan ketiga. Prospek klien boleh membuat temujanji terlebih dahulu atau hadir secara *walk in*. Tiada sekatan terhadap jumlah klien yang boleh diterima untuk setiap kali sesi runding cara Berdasarkan statistik yang diperolehi KRC pernah menerima seramai lapan orang kelayan dalam satu sesi.

Graf 1: Jumlah Klien lelaki dan perempuan



Graf 1 di atas menunjukkan jumlah kelayan yang hadir mendapatkan khidmat runding cara di Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang, KUIS bagi tahun 2017 sehingga 2019. Jika dilihat kepada *trend*, jumlah kelayan adalah meningkat dari tahun ke tahun. Ianya membuktikan hebahan yang dibuat oleh ahli jawatankuasa KRC adalah meluas.

*“Saya tengok dekat facebook....saya jumpa poster ni...jadi saya terus buat temujanji..”*  
*(Encik SSH, Alor Gajah, Melaka, 12 Mac 2018)*


Pada tahun 2017, KRC mencatatkan jumlah kelayan seramai tiga puluh empat orang yang mana dua puluh tujuh adalah kelayan perempuan dan baki tujuh orang adalah kelayan lelaki. Seterusnya, pada tahun 2018, catatan KRC menunjukkan jumlah keseluruhan kelayan sebanyak empat puluh empat yang mana tiga puluh dua adalah kelayan perempuan dan dua belas orang kelayan lelaki. Pada tahun 2019, KRC mencatatkan jumlah kelayan yang agak tinggi iaitu seramai lima puluh sembilan yang mana seramai lima puluh enam adalah kelayan perempuan dan tiga orang adalah kelayan lelaki.

### **Analisis**

Jika dilihat kepada statistik tersebut, KRC menerima jumlah pertambahan kelayan bagi setiap tahun. Namun, peratus kehadiran kelayan lelaki adalah lebih rendah berbanding kelayan perempuan. Jumlah peratus kelayan lelaki pada tahun 2017 adalah sebanyak 20% dari jumlah keseluruhan kelayan. Pada tahun 2018 sebanyak 27% manakala bagi tahun 2019 hanya 5%. Walaupun jumlah kelayan lelaki tidak ramai namun, jumlah keseluruhan kelayan yang hadir ke KRC adalah meningkat. Berdasarkan analisis dibuat dapat dikatakan jumlah kelayan perempuan kelihatan lebih tinggi kerana kebiasaan kes-kes di Mahkamah Syariah di mulai dengan kes perceraian yang mana kes tersebut sering difailkan terlebih dahulu oleh golongan perempuan. Lebih-lebih lagi dengan perkhidmatan KRC secara percuma lebih menjadi pilihan kelayan yang hadir.

#### **ii. Jenis Kes/Masalah Kelayan**

Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang (KRC), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor hanya mengendalikan perkhidmatan runding cara bagi kes-kes melibatkan isu dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Peguam Syarie yang bertauliah telah dilantik bagi mengendalikan proses runding cara. Antara kes-kes yang sering menimbulkan isu dan memerlukan penjelasan lanjut adalah kes Perceraian, Harta Pusaka, Harta Sepencarian, Tuntutan Amaun seperti Nafkah dan Mutaah dan Tuntutan Hadhanah (Hak Jagaan).



## Analisis

Graf 2 adalah statistik kes yang didaftar masuk di KRC. Pertanyaan adalah merujuk kepada persoalan-persoalan yang hadir dari pelajar berkenaan kursus atau latihan mooting mereka. Manakala kategori lain-lain melibatkan kes-kes jenayah atau khidmat nasihat yang tidak cenderung ke arah mana-mana pendaftaran fail kes.

Pada tahun 2017, KRC menerima kelayan yang berdaftar untuk perceraian adalah sebanyak dua belas orang, harta pusaka/sepencarian dan tuntutan amaun masing-masing seramai sepuluh orang, tuntutan hadhanah dua orang, pertanyaan seorang dan lain-lain dua orang. Jumlah keseluruhan jenis kes yang didaftarkan adalah tiga puluh tujuh. Jumlah tersebut berbeza dengan jumlah kelayan pada tahun 2017 dalam graf 1 sebanyak tiga puluh empat. Ianya kerana ada dikalangan kelayan yang meminta nasihat melibatkan lebih dari satu kes.

Seterusnya, pada tahun 2018, menerima kelayan yang berdaftar untuk perceraian adalah sebanyak lima belas orang, harta pusaka/sepencarian seramai dua belas orang, tuntutan amaun dan hadhanah masing-masing seramai sepuluh orang, tuntutan hadhanah dua orang, pertanyaan dan lain-lain masing-masing seramai lima orang. Jumlah keseluruhan jenis kes yang didaftarkan adalah lima puluh empat kes. Jumlah tersebut berbeza dengan jumlah kelayan pada tahun 2017 sebanyak empat puluh empat. Ianya sama juga seperti tahun 2018, ada dikalangan kelayan yang meminta nasihat melibatkan lebih satu kes.

Seterusnya, pada tahun 2019, menerima kelayan yang berdaftar untuk perceraian adalah sebanyak dua puluh orang, harta pusaka/sepencarian seramai dua belas orang, tuntutan amaun sebanyak tiga puluh dua orang, hadhanah seramai sebelas orang, pertanyaan dua orang dan lain-lain kes seorang. Jumlah keseluruhan jenis kes yang didaftarkan adalah lapan puluh tujuh. Jumlah tersebut berbeza dengan jumlah kelayan pada tahun 2019 sebanyak empat puluh empat. Ianya sama juga seperti tahun 2017, ada dikalangan kelayan yang meminta nasihat melibatkan lebih satu kes.

## ii. Respon Kelayan

Secara umumnya Jabatan Agama Islam di Malaysia mempunyai unit atau bahagian khas mengendalikan aduan- aduan krisis rumah tangga atau konflik kekeluargaan. Walau dengan nama atau istilah perkhidmatan yang berbeza peranan dan tanggungjawab membantu masyarakat melalui khidmat nasihat sememangnya wujud di Jabatan Agama Islam di Malaysia dengan misi, visi, objektif dan standart operasi (SOP) yang berbeza (Azizah Mohd Rapini, et.al, 2018). Justeru, penubuhan KRC ini tidaklah berhasrat mengenepikan kuasa-kuasa sedia ada Jabatan Agama Islam dalam pengendalian runding cara. Ianya lebih kepada memberikan perkhidmatan yang bersifat segera kerana kelayan boleh secara walk in dan mendapatkan perkhidmatan pada hari tersebut atau jika kelayan membuat temujanji, tarikh akan diberikan kepada tarikh paling terdekat. Sekiranya kelayan ramai pada masa tersebut, KRC akan mendapatkan bantuan dua orang Peguam Syarie.

Terdapat beberapa respon kelayan dalam penyampaian perkhidmatan yang diberikan. Butiran kelayan adalah dirahsiakan bagi menjaga etika runding cara serta peraturan KRC yang mengutamakan kerahsiaan terhadap butiran diri kelayan. Respon kelayan direkodkan melalui temubual secara lisan dan *whatsapp*.

### Peguam berpengetahuan

Kelayan menegaskan perkhidmatan yang diberikan adalah cepat dan penyampaian maklumat yang diberikan oleh Peguam Syarie yang bertugas adalah baik. Kelayan hadir pada 6 Disember 2019, bagi mendapatkan runding cara berkenaan kes Perceraian dan Tuntutan Hadhanah. Nor Hafizah Haron merupakan Peguam Syarie yang hadir ketika itu telah menasihati kelayan untuk memfailkan perceraian di bawah Seksyen 47 dan seterusnya memfailkan tuntutan hadhanah bagi penjagaan mutlak tiga anak beliau. Kelayan jelas dan berpuas hati dengan nasihat yang diberikan selain pengurusan KRC yang efisien.

*“Saya jelas dan paham explanation peguam..pegawai sangat banyak knowledge...shud be sy failkan cerai dan proceed pd anak-anak.. ...thanks to you all...”*  
(Puan NSA Cheras, Selangor, Kelayan 2 KRC)

### Kaedah Runding Cara yang berkesan

Terdapat respon yang menegaskan bahawa, kaedah pengendalian runding cara di KRC berkesan dan memberikan kelegaan kepada kelayan atas hala tuju masalah yang dihadapi. Kelayan menegaskan selepas melalui proses runding cara, beliau mampu *refresh* diri dan berkelakuan lebih tenang. Kelayan hadir ke KRC pada 2 Ogos 2019 dan 10 Januari 2020 bagi kes tuntutan perceraian melibatkan kategori perkahwinan poligami. Runding Cara telah dilaksanakan oleh Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam, Pegawai Runding Cara KUIS.

*“Terima kasih Cik Zulfah atas nasihat..saya selesa dan kalau saya tak hadir ni saya rasa diri saya rugi sangat-sangat...Sebab pas dengan nasihat-nasihat tu baru saya lega dan tahu nak buat apa”*  
(Puan KMN. Bukit Mahkota, Selangor, Kelayan 3, KRC)

### **Perkhidmatan percuma.**

Perkhidmatan runding cara menjadi pilihan kelayan untuk memilih KRC sebagai tempat perkhidmatan. Lebih-lebih lagi perkhidmatan runding cara yang dibekalkan KRC adalah percuma dan dikendalikan oleh Peguam Syarie yang bertauliah. Kelayan menegaskan perkhidmatan runding cara percuma sangat membantu golongan yang sukar dan tidak berkemampuan dalam meringankan beban masalah rumah tangga mereka. Sekurang-kurangnya mereka boleh dijelaskan terlebih dahulu akan cadangan penyelesaian dan tindakan perlu dibuat kepada masalah yang dihadapi terlebih dahulu sebelum melantik peguam syarie. Kelayan hadir ke KRC pada 14 Disember 2018 bagi Permohonan Sijil Faraid dan Pengesahan Hibah. Runding Cara telah dilaksanakan oleh Mohamad Azrul Azhan Bin Mohammad Jamil, Peguam Syarie bertauliah.

*“ Saya ni kebetulan ada kursus di sini..jadi terlihat poster percuma ni di facebook jadi saya dating..over expectation perkhidmatan percuma dan penerangan lawyer panjang sampai saya faham..saya boleh beri kredit pada klinik la...memang membantu ”*

*(Encik AHS. Kuching, Sarawak, Kelayan 4, KRC)*

### **Maklumat disampaikan lebih jelas.**

Kelayan mengakui bahawa runding cara di KRC adalah jelas, menepati pertanyaan kelayan dan maklumat-maklumat yang diberikan kepada kelayan mudah difahami. Apabila maklumat dan nasihat diberikan dengan baik makanya, proses runding cara menjadi sangat lancar dan mencapai objektif. Kelayan yang hadir ke KRC pada 3 Disember 2019 dan 12 Februari 2020 bagi kes perceraian secara hakam. Runding Cara telah dilaksanakan oleh Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam, Pegawai Runding Cara KUIS.

*“ Saya berpuas hati.awalnya saya telah ke Mahkamah Rendah Syariah xxx, namun mereka tak sempat nak berikan nasihat lebih mendalam pada masalah saya..mahkamah ramai masa tu.....saya macam keliru.. tapi bila saya datang ke sini saya dapat lihat jalan keluar pada masalah rumah tangga saya..walaupun kini isteri saya dah failkan cerai tapi sekurang-kurangnya saya tahu hak saya disisi undang-undang”*

*(Encik SHM. Bandar Baru Bangi, Kelayan 5, KRC)*

## 5. Cadangan Dan Saranan

Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang, KUIS telah ditubuhkan sejak tahun Mei 2017. Catatan yang dibuat sehingga 2019, menunjukkan KRC telah menerima seramai satu ratus tiga puluh enam (136) kelayan. Berhubungan dengan itu, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan kepada KRC bagi melestarikan pengurusan yang cekap dan menepati kehendak kelayan.

- i. **Ruang konsultasi yang kedap bunyi dan tertutup.** Ianya memberikan rasa keselesaan kepada kelayan untuk berkongsi cerita tanpa kuatir masalahnya didengari oleh pihak yang berdekatan.
- ii. **Pintu masuk dan keluar yang berbeza.** Bertujuan mengelakkan kelayan yang menunggu dapat melihat kelayan yang baru selesai menjalani proses runding cara.
- iii. **Sesi runding cara dijalankan setiap hari.** Adakalanya kelayan gagal mendapatkan temujanji kerana sesi runding cara hanya dijalankan dua kali seminggu pada hari Jumaat. Fleksibiliti masa kelayan disarankan menjadi keutamaan.

## 6. Kesimpulan

Berdasarkan analisis-analisis yang telah dibuat dapat diakui bahawa penubuhan Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang, KUIS telah mencapai objektif dalam memberikan perkhidmatan nasihat guaman dalam menyelesaikan krisis rumah tangga dan konflik kekeluargaan. Sekaligus membuktikan, sebarang krisis rumah tangga hendaklah cuba diselesaikan terlebih dahulu melalui kaedah runding cara.

Terdapat faktor luaran dan dalaman yang boleh mencetuskan konflik dalam rumah tangga. Faktor luaran yang dinyatakan ialah masalah ekonomi, masalah seksual, campur tangan pihak ketiga, tahap keadaan kesihatan dan masalah sosial manakala faktor dalaman yang menyebabkan wujudnya konflik dalam rumah tangga berpunca daripada kurang pengetahuan agama, emosi yang tidak stabil, cemburu, berbeza pandangan, masalah dalam komunikasi dan tidak bertanggungjawab (Mariam et. al, 2018). Faktor-faktor ini boleh dikenalpasti melalui kaedah runding cara dan seterusnya diselesaikan melalui solusi terbaik.

Perkhidmatan runding cara secara percuma hendaklah diperluaskan dengan holistik bagi membolehkan khidmat nasihat guaman diperolehi oleh kelayan dengan sewajarnya. Sekiranya ianya perlu kepada pembayaran, mengakibatkan pihak-pihak tidak berminat mendapat nasihat sebaliknya mencari jalan pintas memfailkan kes terus di Mahkamah Syariah. Lebih-lebih lagi bagi pihak kurang berkemampuan dan terhimpit dengan masalah ekonomi. Namun, tidak semestinya dikatakan runding cara yang berjaya adalah runding cara yang tidak membawa pihak-pihak kepada perceraian. Sebaliknya, runding cara yang berjaya adalah yang mampu memberikan kesan positif kepada diri dan spiritual kelayan yang mengakibatkan mereka mampu memilih jalan terbaik kepada krisis dan masalah yang dihadapi menggunakan saluran dan kaedah yang betul. Jika

kelayan mendapat nasihat yang baik dan betul, maka tiada sebarang kesukaran yang dihadapi oleh pihak-pihak selepas berakhir krisis. Selain itu, ianya turut memberikan kesan pengharmonian komunikasi kedua-dua belah pihak, menjauhi persengketaan dan perbalahan yang adakalanya mengakibatkan anak-anak juga terhimpit menjadi mangsa keadaan.

## Rujukan

- Ahmad Atabik. 2013. Konseling Keluaga Islami (Solusi Prolematika Kehidupan Berkeluarga). *KONSELING RELIGI : Jurnal Bimbingan Konseling Islam*.
- Ahmad Harari dan Raihanah Azahari. 2014. Pengukuhan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian: Analisis Literatur. *Jurnal Fiqh*. No. 14. 175-194.
- Azizah Mohd Rapini, Nur Zulfah Md Abdul Salam, Zanariah Dimon, Hammad Mohamad Dahalan & Zaini Yusnita Mat Jusoh. (2018). “Konsep Kajian Amalan Runding Cara Keluarga Di Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri Di Malaysia: Tinjauan Terhadap Keperluan Modul Khusus” *International Research Management & Innovation Conference (5<sup>th</sup> IRMIC 2018)*. Putrajaya.
- Haliza A. Shukor et al. 2012. Krisis Rumah Tangga: Punca-punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. Kajian Syariah dan Undang-undang Siri 4. Vol. 4. 68-85
- Noresah Baharom. 2007. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Mohamad Yusuf Marlon & Nursyafiqah Bokhari. (2018). “Faktor Konflik Rumah Tangga dan Kaedah Mengatasinya”. *International Research Management & Innovation Conference (5<sup>th</sup> IRMIC 2018)*. Putrajaya.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Azizah Binti Mohd Rapini, Zanariah Dimon, Hammad Mohamad Dahalan (2018) “Peranan dan Pelaksanaan Runding Cara Kekeluargaan: Satu Kajian Di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor”. *4<sup>th</sup> International Conference of Islamiyyat Studies*. Selangor.
- Zanariah Dimon, Azizah Mohd Rapini, Hammad b. Dahalan, Zaini Yusnita Mat Jusoh & Nur Zulfah Md Abd. Salam. (2018). “Faktor-faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor. *4<sup>th</sup> International Conference of Islamiyyat Studies*. Selangor.

## Temubual

- Temu bual bersama Encik ASH. Kelayan 4 Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang pada 14 Disember 2018. Jam 11.20 pagi.
- Temu bual bersama Puan KMN. Kelayan 3 Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang pada 2 Ogos 2019 dan 10 Januari 2020. Jam 10.30 pagi.
- Temu bual bersama Puan NSA. Kelayan 2 Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang pada 6 Disember 2019. Jam 11.50 pagi.
- Temu bual bersama Encik SHM. Kelayan 5 Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang pada 3 Disember 2019, dan 12 Februari 2020. Jam 11.30 pagi.
- Temu bual bersama Encik SSH. Kelayan 1 Klinik Runding Cara Syariah dan Undang-undang pada 12 Mac 2008. Jam 11.00 pagi.